

November 17, 2024

Selanjutnya setiap imam melakukan tiap-tiap hari pe-
layanannya dan berulang-ulang mempersebahkan
korban yang sama, yang sama sekali tidak dapat meng-
hapuskan dosa.

Tetapi Dia, setelah mempersebahkan hanya satu
korban saja kerana dosa, Dia duduk untuk selama-
lamanya di sebelah kanan Tuhan dan sekarang Dia
hanya menantikan saatnya, di mana musuh-musuh-
Nya akan dijadikan tumpuan kaki-Nya.

Ibrani 10:11-13

www.heraldmalaysia.com



Tuhan mendengar doa orang miskin

TAKHTA SUCI: “Doa orang miskin diden-
gari oleh Tuhan (Sir 21:5). Ketika orang
miskin menghadapi penderitaan, Tuhan
“tidak sabar” untuk segera memberikan keadil-
an kepada mereka. “Doa orang miskin menem-
busi awan, dan dia tidak akan ditenangkan se-
hingga doanya sampai kepada Tuhan. Dia tidak
berhenti sehingga Yang Mahatinggi menjaganya
dengan menjalankan keadilan dan membela apa
yang benar.” (Sir 35:17–18).

Sri Paus Fransiskus mengungkapkan kata-kata ini dalam pesan Hari Orang Miskin Sedunia Kelapan, yang disambut pada November 17.

Prelatus itu menulis, “memang benar, harapan Kristian mengandungi kepastian bahawa doa kita pasti sampai ke hadirat Tuhan; bukan sebarang doa tetapi doa orang miskin! Mari kita renungkan perkataan ini dan “baca” dalam wajah dan kisah orang-orang miskin yang kita temui setiap hari, supaya doa dapat menjadi cara perhubungan dengan mereka dan mengambil bahagian dalam penderitaan mereka.”

Bapa Suci mengakui bahawa Kitab Sirakh mungkin tidak begitu terkenal, tetapi ia patut diterokai kerana kekayaan temanya, khususnya tentang hubungan manusia dengan Tuhan dan dengan dunia.

Pengarang Kitab Sirakh, Ben Sira, adalah seorang guru, jurutulis di Yerusalem, mungkin menulis pada abad ke-2 SM. Sangt Papa mengatakan bahawa Ben Sira juga seorang yang bijak, berakar umbi dalam tradisi Israel, yang mengajar pelbagai aspek kehidupan manusia: pekerjaan, keluarga, kehidupan sosial dan pendidikan orang muda.

Penulis itu memberi perhatian khusus kepada tema yang berkaitan dengan iman kepada Tuhan dan ketiaatan

kepada Hukum.

Menurut Bapa Suci, pengarang Kitab Sirakh menulis isu-isu sukar kebebasan, kejahanatan dan keadilan ilahi, yang masih relevan untuk kita hari ini.

“Diilhamkan oleh Roh Kudus, Ben Sira menunjukkan kepada kita, laluan yang perlu diikuti untuk menjalani kehidupan dengan kebijaksanaan dan maruah di mata Tuhan dan sesama kita,” kata Sri Paus Fransiskus.

Kebenaran penting: Tuhan selalu berpihak kepada orang miskin!

Orang miskin mempunyai tempat istimewa di hati Tuhan — inilah salah satu kebenaran asas wahyu iaitu Tuhan selalu berpihak kepada orang miskin!

Sri Paus Fransiskus menulis bahawa Tuhan mengetahui penderitaan anak-anak-Nya kerana Dia adalah Bapa yang penyayang dan berbelas kasihan.

Sebagai Bapa, Dia mengambil berat mereka yang sangat memerlukan-Nya: yang miskin, yang terabai, yang menderita dan yang dilupakan. Tiada seorang pun yang dikeluarkan dari hati-Nya, kerana di hadapan-Nya, kita semua miskin dan melarat.

Kita adalah pengemis

Bapa Suci mengingatkan umat beriman bahawa, “Kita semua adalah pengemis kerana tanpa Tuhan kita bukan siapa-siapa. Kita tidak akan mempunyai kehidupan jika Tuhan tidak memberikannya kepada kita. Namun berapa kerap kita hidup seolah-olah kita adalah tuan kehidupan atau seolah-olah kita terpaksa menaklukinya!”

Mentaliti dunia ini menuntut kita menjadi orang penting, supaya kita menjadi terkenal dalam apa jua keadaan, sehingga melanggar norma sosial untuk mengumpul kekayaan. Sungguh menyediakan ilusi ini! Kebahagiaan tidak boleh diperolehi dengan memijak hak dan maruah orang lain.

Hakik sikap pilih kasih

Jadikan doa orang miskin sebagai milik kita dan berdoa bersama mereka. Ini adalah cabaran yang mesti kita terima dan aktiviti pastoral yang perlu dipupuk.

Lebih-lebih lagi, “diskriminasi paling teruk yang dialami oleh orang miskin ialah kita jarang mendengar keperluan mereka dan kurang memberi pelayanan rohani kepada mereka! Kebanyakan orang miskin mempunyai sifat terbuka dan beriman; mereka memerlukan Tuhan dan kita tidak boleh gagal menyalurkan berkat Tuhan, firman Tuhan, perayaan sakramen dan kita tidak boleh meninggalkan mereka dalam perjalanan iman.

Santa Maria, Perawan Kudus untuk orang miskin

“Dalam persiapan kita menuju Tahun Suci, saya mendorong semua orang untuk menjadi penziarah harapan, menetapkan tujuan nyata untuk masa depan yang lebih baik. Janganlah kita lupa untuk menjaga “hal-hal terkecil dari cinta” (*Gaudete et Exsultate*, 145): berhenti, mendekati, memberi sedikit perhatian, senyuman, belaian, kata-kata penghiburan,” tulis Sri Paus Fransiskus.

“Kita dipanggil dalam semua keadaan untuk menjadi sahabat orang miskin, mengikut jejak Yesus yang sentiasa menunjukkan solidariti dengan mereka yang miskin, sakit, terabai, yang dianggap hina dalam kalangan kita.”

Pada akhir pesannya, Sri Paus berdoa kepada Santa Perawan Maria, semoga Bonda Tuhan, Maria Yang Maha Kudus, yang muncul di Banneux dan meninggalkan kita dengan pesan yang tidak boleh dilupakan: “Saya adalah Perawan orang miskin” menyokong kita dalam perjalanan ini.

Bapa Suci menyatakan bahawa, kemiskinan dan kesederhanaan Bonda Maria, telah melakukan perkara-perkara besar dalam hidupnya. “Oleh sebab itu, mari mempercayakan doa kita kepada Bonda Maria dan yakin bahawa doa itu akan naik ke syurga dan didengari oleh Tuhan!” **Media Vatikan**

Roti dan wain, apakah maksudnya?

Semasa Perjamuan Terakhir, apabila Yesus memulakan Ekaristi, Dia telah memilih untuk menggunakan dua unsur iaitu roti dan wain. Dua imej ini bertanam kuat dalam akal fikiran kita sehingga kita tidak berhenti bertanya, mengapa memilih roti dan wain?

Di antara semua benda yang boleh dipilih oleh Yesus, mengapa roti dan wain? Apakah roti dan wain lebih dapat mengekspresikan Tubuh dan Darah Kristus? Apakah keistimewaan roti dan wain ini?

Dalam Ekaristi, roti dan wain melambangkan aspek yang sangat penting dalam kehidupan kita, dunia kita dan kehidupan Yesus.

Roti. Apakah itu roti? Apakah lambang yang dibawa oleh roti pada Ekaristi pertama itu?

Sebuku roti terdiri daripada banyak biji gandum yang apabila dikisar, bukan lagi biji gandum sebaliknya membentuk sebuku roti.

Dalam Ekaristi, roti mewakili kita, umat yang ramai, namun dalam Ekaristi, kita adalah satu tubuh iaitu Tubuh Kristus.

Roti juga menggambarkan aspek tertentu dalam kehidupan kita, misalnya kegembiraan, kesihatan dan perjuangan kita sebagai anak-anak Tuhan.

Bau roti segar berbicara tentang kehidupan. Begitu juga roti dalam Ekaristi. Ia adalah roti yang melambangkan pencapaian dunia serta berkat Tuhan untuk semua yang muda, sihat, kreatif dan penuh dengan kehidupan.

Secara metafora, roti meraikan zaman Galilea dalam kehidupan Yesus dan kita sendiri: masa muda, mukjizat, berjalan di atas air, membangkitkan orang mati, tenaga kegembiraan hidup, jatuh cinta dan kelahiran kehidupan baru.

Wain. Apakah yang dilambangkannya

dalam Ekaristi?

Wain diperbuat daripada anggur yang dihancurkan dan melambangkan darah. Wain, melambangkan semua yang rosak, rapuh, tidak utuh, sakit, menderita dan mati di dunia. Ia juga melambangkan kematian, keterbatasan dan kekecewaan ketika memperjuangkan kejayaan.

Secara metafora, wain memperingati tempoh kehidupan Yesus di Yerusalem dan tempoh dalam kehidupan kita sendiri — semasa orang lain salah faham terhadap kita, menjadi mangsa, penderitaan mental, penderitaan fizikal, dipulaukan, keseorangan ketika mati di mana orang lain tidak dapat membantu kita.

Roti dan wain, melambangkan aspek-aspek hidup kita seluruhnya dan seimbang dalam semua aspeknya.

Sebenarnya, apabila pemimpin Ekaristi mengangkat roti dan wain, inilah yang dikatakan: *Tuhan, apa yang diangkat olehku hari ini adalah semua yang ada di dunia ini, sama ada kegembiraan dan penderitaan — kejayaan dalam bentuk roti dunia dan darah semua yang tertumpah ketika mencapai kejayaan itu.*

Aku menawarkan kepada Engkau segala-galanya yang sihat dan berkembang maju di dunia ini — kegembiraan di meja kami, kegembiraan kanak-kanak, impian anak-anak muda yang penuh harapan, kepuasan pencapaian dan segala yang kreatif, yang penuh dengan kehidupan, malah aku juga menawarkan kepada Engkau, semua yang lemah, tua, remuk, sakit, mati, dan menjadi mangsa.

Aku menawarkan kepada Engkau semua keindahan pagan, keseronokan dan kegembiraan hidup ini, malah ketika aku berdiri bersama-Mu di bawah salib, menegaskan



bahawa Orang yang dikecualikan daripada kesenangan dunia ini adalah batu asas masyarakat.

Aku menawarkan kepada-Mu segala yang kuat, yang lemah dan lembut hati. Aku minta Engkau memberkati kedua-duanya dan meluaskan hatiku agar seperti Engkau, dapat mengangkat dan memberkati segala yang ada. Aku menawarkan kepada-Mu keajaiban dan kesakitan di dunia ini dan dunia-Mu.

Kerohanian mungkin dapat mengambil beberapa pengajaran daripada ini. Terlalu kerap terjadi kerohanian yang berat sebelah dan ia memerlukan kesimbangan.

Adakalanya, kerohanian mengabaikan keterbatasan manusia: penderitaan, dosa, kematian, dan jemputan Yesus untuk memikul salib-Nya kerana ia hanya meraikan belia, kesihatan, kemakmuran, dan kebaikan — dan mempersempahkan Yesus yang menawarkan kepada kita Injil Kemakmuran, bukannya Injil Keseluruhan.

Ada juga kerohanian yang terlalu tertumpu pada keterbatasan manusia: dosa, kematian, pertapaan dan penolakan keseronokan.

Ia meraikan yang tua tetapi bukan yang muda, mengutamakan yang sakit tetapi mengabaikan yang tidak sihat, yang miskin tetapi tidak makmur, yang mati tetapi bukan yang hidup dan dunia seterusnya tetapi bukan yang dunia sekarang.

Akibatnya, ia menghakis keutuhan Injil dan mempersempahkan Yesus yang seorang pertapa yang tidak sihat dan mengerutkan kening ketika melihat kebahagiaan semula jadi manusia.

Roti dan wain dalam Ekaristi memberi suara kepada semua aspek kehidupan.

Seperti kata Pierre Teilhard de Chardin, secara asasnya, kata-kata konsekrasi pada Ekaristi berbunyi seperti ini: *“Di atas setiap makhluk hidup yang akan tumbuh, membesar, berbunga, yang matang pada hari ini, saya ucapan lagi kata-kata berikut: ‘Ini tubuh ku’. Dan di atas setiap kuasa maut yang menunggu untuk mengambil, menghakis, layu, untuk ditebang — aku mengucapkan lagi kata-kata-Mu yang menyatakan misteri iman yang terunggul: ‘Inilah darah-Ku.’”*

Fr Ron Rolheiser @ Hak Cipta Terpelihara 1999-2024

Percayalah pada keselamatan Tuhan

Sepantas lalu kita akan hairan, mengapa Yesus menggambarkan kepada orang-orang sezaman-Nya keadaan akhir zaman (*parusia*) di mana akan terjadi perang, penganiayaan, bencana, keadaan alam yang dahsyat, penduduk mengalami kesengsaraan,

Ternyata tujuan Yesus menggunakan ramalan-ramalan yang sangat menakutkan itu sebenarnya adalah untuk menyampaikan dasar harapan kepada kita.

Kita diundang untuk mengarahkan pandangan kita kepada-Nya. Dia bersabda, *“Jika kamu lihat hal-hal itu terjadi, ketahuilah bahawa waktunya sudah dekat, sudah di ambang pintu.*

Aku berkata kepadamu: Sesungguhnya angkatan (generasi) ini tidak akan berlalu, sebelum semuanya ini akan berlalu. Langit dan bumi akan berlalu, tetapi perkataan-Ku tidak akan berlalu” (Mrk 13:29-31).

Ramalan tentang keadaan akhir zaman (*eskatologis*) itu terjadi dalam pelbagai bentuk: Misalnya Yesus akan dikhianati dan diserahkan kepada orang-orang berdosa, demikian juga pengikut-pengikut atau murid-murd-Nya akan ditangkap dan

dibawa ke pengadilan untuk memberi kesaksian bahkan dibunuh.

Akan datang juga orang-orang Kristian palsu, yang mahu menghilangkan kepercayaan umat kepada Kristus.

Kedaan masa akhir zaman yang penuh bencana itu juga boleh terjadi dalam beberapa keadaan. Oleh sebab itu, kita harus berjaga-jaga dalam hidup kita.

Godaan itu mungkin dalam bentuk kekayaan dan kekuasaan sehingga kita “tertidur” atau tidak peduli terhadap mereka yang memerlukan malah acuh tak acuh terhadap kedatangan Yesus buat kali kedua.

Injil Markus mengingatkan kita, bahawa setiap orang yang ingin mengikuti Yesus akan mengalami percubaan. Percubaan itu dapat berbentuk gangguan atau penderitaan hebat, atau godaan kenikmatan dan kemewahan hidup.

Namun apa pun bentuk percubaan atau testing tersebut, kita harus selalu siap siaga dan berdoa.

Dalam menghadapi semua itu tidak perlu takut atau khuatir. Sebab Kristus telah mengubah latar belakang dan keadaan hidup kita ini dengan hidup,

ajaran, sikap dan perbuatan-Nya sendiri.

Apa yang dilakukan-Nya? Yesus bertahan menghadapi percubaan hidup-Nya dan mempersempahkan diri-Nya sendiri sebagai korban sempurna kepada Tuhan.

Dengan demikian Dia mengganti persempahan ibadat individual atau perorangan di Yerusalem yang dilakukan orang Yahudi.

Perhatikan bahawa semasa Dia mengalami kegelapan batin bagaikan sekarat maut di kebun zaitun di Getsemani, Yesus dengan sepenuh hati mohon kepada Tuhan, agar diri-Nya dibebaskan dari sekarat maut diserta keyakinan, bahawa Tuhan dapat melakukan itu! Namun pada masa yang sama, Yesus sekaligus menyerahkan diri sepenuhnya kepada kehendak Bapa.

Ketabahan hati dan kesediaan Yesus untuk menyingsirkan kehendak dan keinginan-Nya sendiri demi kehendak dan rencana Tuhan, Bapa-Nya, di Getsemani — itulah model doa Kristiani sejati! Itulah doa yang harus dijadikan doa bagi setiap orang yang mengalami percubaan atau cabaran hidup!

Injil Markus yang menggambarkan situ-

HARI MINGGU BIASA KE-33 TAHUN B

**DANIEL 12:1-3
IBRANI 10:11-14, 18
MARKUS 13:24-32**

asi dan keadaan yang dahsyat pada akhir zaman sebenarnya ingin meyakinkan dan meneguhkan hati kita, bahawa Yesus Kristus telah mengubah dan mengatasi keadaan akhir zaman itu. Dia telah memberi teladan bagaimana kita dapat bertahan dalam percubaan apa pun dalam hidup.

Setiap orang mengalami percubaan dan rintangan! Biarpun kita mengalami penolakan, kesukaran ekonomi, dendam tak kunjung padam dan apa pun lainnya, paku-kanlah semua itu pada kayu salib Yesus yang akhirnya akan dibawa oleh Yesus kepada kebangkitan dan kemenangan-Nya!

Injil Markus hari ini tentang akhir zaman bukan menakutkan kita akan kegalan hidup kita, sebaliknya meneguhkan iman kita akan keselamatan yang telah sediakan oleh Yesus Kristus. **Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm.**

Pengikraran komitmen kekal Institusi Sekular Komuniti Betania

KENINGAU: Dengan rahmat Tuhan, Institusi Sekular Komuniti Betania (ISKB) telah meraikan seorang anggota yang melafazkan Komitmen Kekal iaitu Saudari Janet Leong dan seorang lagi anggota yang melafazkan Komitmen Pertama iaitu Saudari Sorinah Paungin.

Pada masa yang sama, lima orang anggota ISKB juga memperbaharui Komitmen Sementara iaitu Saudari Liza Matthew, Saudari Mariana William, Saudara Marcel Lasius, Saudari Regina Phillip dan Saudara Charlleo Chari.

Perayaan Ekaristi sempena Pelafazan Komitmen tersebut telah dipimpin oleh Bapa Uskup Cornelius Piong di Rumah Retret Keuskupan Keningau, Tatal.

Uskup Cornelius yang juga merupakan Pengasas ISKB, dalam ucapannya berharap agar upacara hari itu dapat menjadi kesaksian bagi keluarga dan belia, agar mereka lebih peka terhadap panggilan Tuhan dan keperluan gereja.

Prelatus itu juga mengungkapkan kesyukuran atas pelayanan ISKB yang menghidupi slogan, "Mengenali, Mengasihi dan Melayani Lebih Sungguh

Saudari Janet Leong lahir di Kg



Misa Kudus perayaan komitmen kekal, komitmen pertama dan pelafazan komitmen anggota ISKB dipimpin oleh Pengasas ISKB, Uskup Cornelius Piong di Rumah Retret Keuskupan Keningau, Tatal, pada Oktober 24, 2024.

Batu 27 Jalan Tenom, Keningau, bekerja sebagai guru di SM St Francis Xavier Keningau. Bermula sebagai peninjau ISKB pada tahun 2012 hingga 2017 dan setelah mengikuti pembentukan selama lima tahun, beliau telah mengambil Pelafazan Komitmen Pertama pada 2017.

Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa sebagai anggota

ISKB, beliau telah mengalami sukcita dalam menjadi sebahagian kecil daripada sesuatu yang lebih besar, berjalan bersama komuniti dengan tujuan yang sama, iaitu untuk mengenali, mengasihi, melayani Tuhan dan sesama.

Saudari Sorinah Paungin pula berasal dari Kg Tiong Temburong, Ranau dan merupakan staf di Pusat Kebajikan Orang Kurang

Upaya di Likas Kota Kinabalu.

Pada tahun 2019, beliau telah memulakan peninjauan dan mengikuti pembentukan selama lima tahun dan kini mengambil Komitmen Pertama selaku anggota ISKB.

ISKB telah dibentuk dan disahkan secara rasmi pada Julai 27, 1997 di Katedral St Francis Xavier Keningau oleh Uskup Janet Leong

SANDAKAN: Para Direktor Keuskupan bagi Persatuan Misi Kepausan (PMS) untuk Malaysia, Singapura dan Brunei, telah memilih Keuskupan Sandakan menjadi tuan rumah Saat Teduh Kanak-kanak sebagai sebahagian daripada aktiviti Hari Minggu Misi 2024.

Saat Teduh telah diketuai oleh Uskup Julius Dusin Gitom, Presiden PMS Malaysia, Singapura dan Brunei. Beliau dibantu oleh Fr Arthur John, Direktor PMS Keuskupan Sandakan.

Ia adalah kali pertama Katedral St Mary mengadakan Saat Teduh untuk kanak-kanak. Acara ini disiarkan secara langsung di seluruh Malaysia, Singapura dan Brunei.

Kanak-kanak dari Sekolah Minggu menyanyi dalam koir, memimpin doa umat dan mengetuai doa rosari.

KUALA LUMPUR: Pelayanan Migran dan Orang yang Berpindah Randah Pejabat Pembangunan Manusia Agung (AOHD) baru-baru ini telah menganjurkan *Migrant Got Talent* dengan tema, Tuhan Berjalan bersama Umat-Nya.

Acara itu menghimpunkan para pendatang dan pelarian dari negara yang berbeza, memperlihatkan budaya mereka melalui lagu dan tarian. Paling penting, untuk mewujudkan kesedaran bahawa setiap orang adalah berbakat tanpa mengira latar belakang mereka dan bahawa anugerah ini datang dari Tuhan.

Migrant Got Talent yang pertama diadakan dalam talian semasa pandemik pada tahun 2021. Pada ketika itu, ramai migran yang kehilangan pekerjaan dan berasa putus asa.



Kanak-kanak penyumbang terbanyak Hari Minggu Misi

Sebelum acara tersebut, kanak-kanak terlebih dahulu membuat latihan dan persiapan pada Oktober 11.

Kehadiran kanak-kanak bersama ibu bapa yang ramai, memperlihatkan semangat sinodal dan sebagai sahutan kepada seruan Bapa Suci

untuk program PMS.

Uskup Julius mengatakan bahawa "anak-anak kita telah membantu kanak-kanak dari bahagian lain dunia yang kurang maju seperti negara-negara Afrika melalui sumbangan kolekte Hari Minggu Misi

yang dijalankan setiap tahun."

Prelatus itu juga mengucapkan terima kasih kepada semua Komiti PMS, Belia, Liturgi Paroki dan Kateketikal yang telah membantu dalam penganjuran acara tersebut. Evelyn Jock

di Vatikan, namun prelatus itu menyampaikan pesan yang telah dirakam.

Terdapat 14 persembahan dan sembilan persembahan tetamu khas. Para hakim kemudiannya menganugerahkan Anugerah Paling Digemari kepada kumpulan Indonesia, dari Gereja Our Lady of Lourdes, Klang.

Manakala kumpulan Myanmar memenangi persembahan Keseragaman, Chin Bamboo Dancers dari LCCM; persembahan *the Most Colourful* menjadi milik kumpulan Filipina, *The Dreamers* dari Gereja Our Lady of Fatima, Brickfields.

Kimnu berusia lapan tahun dari Myanmar yang menyanyi dan bermain piano telah dianugerahkan *Live Streaming Award*.



Pertunjukan bakat itu merupakan saluran bagi mereka mengatasi kebimbangan mereka.

Tahun ini, acara tersebut diadakan pada 20 Okt. Acara itu dihadiri oleh Duta Besar Filipina ke Malaysia, H.E. Maria Angela A. Poncee dan

Cornelius Piong selaku Pengasas ISKB.

Komuniti ISKB terdiri daripada anggota Gereja sama ada wanita dan lelaki yang memilih hidup tunggal untuk Tuhan. Komuniti ini adalah satu alternatif bagi umat Tuhan dalam melayani di ladang Tuhan, sekiranya hidup berkahwin, membiara atau Imamat tidak menjadi pilihan.

Pelayanan yang dilakukan oleh anggota ISKB adalah menurut karisma masing-masing dan berlandaskan kepada misi dan visi Keuskupan di mana mereka melayani.

Setakat ini, anggota ISKB mempunyai 25 orang anggota yang melayani di Keuskupan Agung Kota Kinabalu dan juga di Keuskupan Keningau.

Keunikan ISKB ialah mereka tetap awam seperti umat beriman yang lain.

Namun, ISKB mengucapkan janji komitmen secara rasmi dan umum dalam Gereja, hidup tunggal untuk Tuhan dan mengamalkan hidup doa yang khusus serta menghayati dan menghidupi komitmen dalam kemurnian, kesederhanaan dan ketaatan kepada Tuhan dan pemimpin Gereja. Janet Leong

Kuching bakal anjur latihan pendoa syafaat kenabian

KUCHING: Kumpulan Pembaharuan Karismatik Keuskupan Agung Kuching menganjurkan latihan bertaraf antarabangsa mengenai syafaat kenabian, yang akan dikendalikan oleh penceramah internasional terkenal dari India, Chevalier Cyril John.

Latihan itu akan diadakan pada November 21-25 di Dewan Besar Kuria Keuskupan Agung dan Pusat Pastoral (ACCPC), Katedral St Joseph, Kuching. Sesi akan dijalankan dalam bahasa Inggeris dan terjemahan secara langsung ke dalam bahasa Melayu.



Sahabat Kecil Yesus

Hello adik-adik,

Pada hari Minggu ini,
November 10, 2024
merupakan Hari Orang
Miskin Sedunia.

Ia merupakan hari yang
ditetapkan oleh Sri Paus
Fransiskus bagi umat
Katolik untuk "merenungkan
bagaimana kemiskinan
merupakan bahagian yang
sangat penting dari Injil."

Tema untuk tahun Hari
Orang Miskin Sedunia 2024
adalah "Doa orang miskin
sampai kepada Tuhan"

(Sirakh 21:5).

Adik-adik, Sri Paus
Fransiskus menjelaskan
bahawa "Orang miskin
memiliki tempat istimewa
di hati Tuhan."

Tuhan mengetahui
penderitaan anak-anak-Nya
kerana Dia adalah seorang Bapa yang penuh
perhatian dan peduli.


Sebagai seorang Bapa,
Dia prihatin kepada mereka yang sangat
memerlukan: orang miskin,
yang terpinggirkan, yang menderita dan yang

terabai.

Bapa Suci juga
menekankan bahawa
Tuhan tidak akan pernah
meninggalkan kita dan tidak
akan pernah meninggalkan
kita tanpa jawaban atas
doa-doa kita.

Adik-adik, sempena Hari
Orang Miskin sedunia,
semoga kita dapat menjadi
tanda kasih dan berbelas
kasihan kepada mereka
yang memerlukan. Amin.

Salam Sayang
Antie Melly



**Bertolong-tolonganlah menanggung bebanmu !
Demikianlah kamu memenuhi hukum Kristus. (Galatia 6:2)**

Menurut tradisi,
setiap pengarang Injil
mempunyai simbol
mereka sendiri.
Rungkaikan simbol
tersebut dan tulis
jawabannya pada
ruangan yang
disediakan.



Santo Markus	manusia Ilahi	lembu bersayap	Santo Yohanes
Santo Matius	singa bersayap	Santo Lukas	rajawali terbang tinggi

BELIA



Belia harus asah kemahiran demi jalani pelayanan

Setiausaha Komisi Belia Konferensi para Uskup Indonesia, Fr Frans Kristi Adi memimpin Misa syukur Sumpah Pemuda 2024 di Chapel Fransiskus, KWI. GambarL Mirifica.net.

JAKARTA: Gereja Katolik di Indonesia, melalui Komisi Belia, meraikan Sumpah Pemuda ke-96 dengan Misa Kesukuran dan perbincangan tentang kaum muda Katolik yang bekerja di sektor kerajaan, baru-baru ini.

Acara itu diadakan di Bangunan Konferensi para Uskup Indonesia (KWI) Jakarta. Dalam homilinya, Fr Frans Kristi Adi, Setiausaha Komisi Belia KWI menggesa golongan muda Katolik untuk menjawai semangat perpaduan yang ditunjukkan dalam Sumpah Pemuda 1928, di mana belia dari pelbagai agama dan latar belakang budaya mengikrarkan komitmen mereka sebagai bangsa Indonesia.

Mengimbang kembali legasi ini, beliau menekankan bagaimana "aksi cinta pemuda Indonesia tidak pernah ditelan zaman" yang

merujuk kepada filem "Eksil" oleh Lola Amaria, yang menggambarkan patriotisme tebal dalam kalangan remaja Indonesia yang hidup terbuang di negara asing setelah terjadi pergolakan politik dalam negara.

Beliau menggalakkan golongan muda Katolik, yang dikenali sebagai Orang Muda Katolik (OMK), untuk memupuk dedikasi "kebajikan bersama (*bonum commune*)" untuk Indonesia.

Selepas Misa, perbincangan yang diketuai oleh Yanuar Nugroho, seorang pensyarah di Sekolah Falsafah Driyarkara dan Penyelaras Pasukan Pakar Sekretariat SDGs Kebangsaan, telah menyelami cabaran dan aspirasi untuk masa depan Indonesia.

Yanuar menyampaikan data tentang cabaran sosio-ekonomi dan politik negara, khususnya halangan ekonomi yang dihadapi Indonesia selepas Covid-19.

Menurutnya, untuk mencapai "Indonesia Emas 2045" yang makmur, ia memerlukan "strategi

transformasi, kolaboratif dan mampan."

Yanuar berkongsi bahawa dedikasinya kepada perkhidmatan awam berakar umbi dalam kerohanian beliau, yang diilhamkan oleh Latihan Rohani Sto Ignatius Loyola.

Bercakap kepada penjawat awam muda, Yanuar menekankan kepentingan ketahanan mental dan rangkaian sokongan untuk mengelakkan keletihan serta tekanan. "Kita tidak boleh bersendirian (perasaan sengsara, sedih, dll.) terlalu lama. Kerana masa adalah terhad," ujarnya seraya menggalakkan untuk mempunyai "kumpulan rakan sebaya dan panduan rohani" bagi mengekalkan semangat dan kerajinan.

Para belia seterusnya mengumakan banyak soalan kepada Yanuar yang menasihati golongan muda Katolik, "melakar peta jalan hidup" sebagai panduan pertumbuhan profesional dan peribadi mereka. mirifica.net



Kem Hujung Minggu kenali panggilan

CHERAS: "Vocation Weekend Away" di Gereja St Francis of Assisi telah menjadi platform untuk menggalakkan dan membantu para belia untuk mengetahui tentang panggilan.

Pada Oktober 25-27, Pasukan Promosi Panggilan Keuskupan Agung, mengalau-alukan 48 peserta dari seluruh Keuskupan Agung Kuala Lumpur melalui Kem Panggilan.

Kem itu membantu para peserta meneroka panggilan unik mereka melalui pelbagai sesi dan perbincangan. Para peserta adalah dari paroki berikut: Our Lady of Perpetual Help, Mentakab; St. Jude, Rawang; St Paul the Hermit, Bestari Jaya; Assumption; St Ignatius; Gereja Kerahiman Ilahi; Holy Redeemer; Our Lady of Fatima; Our Lady of Lourdes, Sacred Heart, St Anthony dan St Joseph, Bidor.

Dalam Kem Hujung Minggu itu, ia menyampaikan penerangan tentang panggilan dalam Gereja Katolik, seperti Imamat, kehidupan religius, perkahwinan dan hidup tunggal.

Fr Albert Tan, SJ, berkongsi bagaimana menggunakan sarana seperti *Examen* dan prinsip peneli-

tian Ignatius (*Ignatian*) bagi membantu peserta mengenali panggilan mereka. Fr Albert menekankan bahawa setiap panggilan ialah panggilan untuk melayani Tuhan dan komuniti.

Kem itu juga menjadi peluang unik bagi para peserta untuk mendengar kisah panggilan dari para rohaniwan, paderi keuskupan dan religius serta pasangan suami isteri. Peserta juga dapat bertanya soalan dan mendapatkan nasihat peribadi untuk mengetahui lebih dalam perjalanan panggilan mereka.

Salah seorang peserta, Rachel dari Gereja Divine Mercy, mengatakan, "Panggilan adalah panggilan unik untuk semua orang. Saya berharap pada masa hadapan, lebih ramai kongregasi dan kumpulan dapat membantu kami untuk

Matthew dari Gereja Sacred Heart pula berharap golongan muda lain untuk menyertai retret itu pada masa depan. "Tidak perlu takut untuk menyertai program ini kerana ia membimbing anda untuk mendalami dan menyahut panggilan sama ada menjadi religius, paderi, berkeluarga atau hidup tunggal." meluaskan lagi pengalaman."

Lebih 1,000 atlet Katolik sertai Perhimpunan Sukan Keuskupan

KOHIMA: Keuskupan Katolik di Nagaland, India menganjurkan Pertemuan Sukan Sekolah Katolik 2024, acara sukan selama dua hari yang bertujuan untuk memupuk persahabatan dan semangat bekerja berpasukan dalam kalangan pelajar dari sekolah Katolik dan pelbagai komuniti suku.

"Ini adalah peluang untuk atlet mudakami untuk memperlihatkan kemahiran mereka dan membina kerja berpasukan," kata Fr Jacob Charalel, setiausaha Komisi Pendidikan Keuskupan Kohima.

Acara itu menghimpunkan lebih 1,000 pelajar dari 35 sekolah Katolik di seluruh Nagaland, yang terkenal dengan kepelbagaian budayanya.

Penasihat Sumber Belia dan Sukan untuk negeri Nagaland, Keoshu Yimkhiung, menekankan kepentingan acara itu dalam ucapan perasmianya.

"The Games Meet bukan sekadar acara; ia adalah perayaan semangat, disiplin, kerja berpasukan dan rasa hormat antara satu sama lain," katanya, menggesa peserta untuk merangkul perpaduan.

Fr Carolus Neisalhou, Vikar Jeneral keuskupan, memohon berkat untuk semua atlet dan pengajar, dengan berkata, "Semoga perhimpunan ini memupuk persaingan yang sihat dan menggalakkan rasa kemasyarakatan dan persekituan dalam kalangan remaja kita."

Katanya, "Melalui sukan, kita dapat memupuk disiplin dan perwatakan kaum muda kita. Sukan dapat berperanan sebagai kuasa penyatuan dalam landskap Nagaland yang kaya dengan budaya. icasnews.com



Berita ringkas dari Gereja sejagat

Bapa Suci berdoa untuk arwah kardinal, uskup

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus merayakan Misa untuk kardinal dan uskup yang telah meninggal dunia pada November 4 lalu di Basilika Sto Petrus. Bapa Suci mengatakan mereka adalah "gembala dan teladan kepada kawanan Tuhan". Mereka ialah orang-orang yang mengasihi Gereja dengan cara mereka sendiri.

Tujuh kardinal Katolik dan 123 uskup Katolik meninggal dunia dalam tempoh 12 bulan yang lalu. "Memperingati mereka menjadi



doa syafaat untuk saudara-saudara kita yang dikasih. Mereka dibaptis ke dalam kematian Kristus untuk bangkit bersama-Nya," ujar Sri Paus Fransiskus dalam homilinya. CNA

Vatikan buka pusat pelawat untuk Basilika Sto Petrus

ROMA: Beberapa minggu lalu, Vatikan telah mendirikan sebuah pusat untuk menyambut penziarah dan pelancong, sebelum mereka melawat Basilika Sto Petrus.

Pusat itu, yang dirasmikan pada Oktober 31, bertujuan menyediakan maklumat praktikal, artistik dan rohani

kepada pelawat basilika Vatikan — kerana jumlah kehadiran penziarah dan pelawat lebih tinggi daripada biasa, lebih-lebih lagi semasa Tahun Jubli 2025.

Dalam pertemuan dengan para paderi yang mendengar pengakuan di Basilika Sto Petrus bahawa gereja itu mempunyai lebih 40,000 pelawat sehari! CNA

Permulaan proses beatifikasi Sr Clare Crockett

ALCALÁ DE HENARES: Kongregasi *The Servant Sisters of the Home of the Mother* mengumumkan pembukaan proses beatifikasi salah seorang biarawati mereka, Sr Clare Crockett (*gambar*), yang meninggal dunia pada tahun 2016 dalam sebuah gempa bumi di Ecuador.

Misa Kudus pembukaan proses itu akan diadakan pada Januari 12, 2025 di Katedral Alcalá de Henares, Sepanyol.

Clare dilahirkan di Derry, Ireland Utara, pada tahun 1982. Seorang remaja yang berkarsma, pernah menjadi hos rancangan rangkaian British Channel 4 pada usia 15 tahun



dan Nickelodeon pada usia 17 tahun.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2000, semasa mengikuti retret Minggu Suci di Sepanyol yang diatur oleh *The Servant Sisters of the Home of the Mother* — Clare mengalami pertemuan dengan Tuhan yang mengubah hidupnya sekaligus perlahan-lahan meninggalkan kehidupannya sebagai selebriti.


April 16, 2016, gempa bumi berukuran 7.8 magnitud melanda wilayah Manabí Ecuador, membunuh sekurang-kurangnya 673 orang, termasuk Sr Clare Crockett. CNA

Uskup Amerika bincang kemungkinan kanonisasi Sr Annella

MINNESOTA: Para uskup Amerika Syarikat berbincang untuk kemungkinan pembukaan proses kanonisasi Sr Annella Zervas, seorang biarawati Benedik dari Minnesota yang terkenal dengan kekudusan dan ketekunan mengasihi Ekaristi, pada awal abad ke-20.

Sr Annella dilahirkan sebagai Anna Cordelia Zervas di Moorhead, Minnesota, pada tahun 1900.

Biarawati itu menunjukkan ketekunan luar biasa terhadap Ekaristi. Semasa remaja, dia berjalan setiap hari untuk menghadiri Misa meskipun semasa musim sejuk melam-pau.



Pada usia 15 tahun, dia masuki Ordo St Benedik di biara St Joseph, Minnesota, mengambil nama rohani, Mary Annella.

Ibunya pernah membantah nama pilihannya kerana tidak ada nama Santa Annella. Beliau menjawab, "Kalau begitu, saya harus menjadi yang pertama." Sr Annella melaafazkan kaul kekal pada Julai 1922. CNA

Thailand lancar "Bulan Mendengar Kebangsaan"

BANGKOK: Thailand telah melancarkan "Bulan Mendengar Kebangsaan" yang pertama, inisiatif baharu yang disambut baik oleh Majlis Pendidikan Katolik Thailand (CECT) yang bertujuan untuk memupuk empati dan mendengar aktif dalam sekolah-sekolah Katolik di Thailand.

Kempen selama sebulan itu dilihat penting ke arah mengukuhkan hubungan sesama dalam

masyarakat Thai, di mana perpecahan dan pengasingan dalam masyarakat semakin meningkat.

"Kempen ini sudah pasti akan memupuk budaya empati dan mendengar secara aktif dalam sekolah Katolik kita, selaras dengan visi Bapa Suci Paus Fransiskus yang memberi inspirasi tentang Gereja Sinodal," kata Fr Paul Ekarat Homprathum, Setiausaha Agung CECT. Licasnews.com

Uskup Agung doakan Trump terus bekerja demi kesejahteraan

WASHINGTON, DC: Konferensi para Uskup Katolik Amerika Syarikat (USCCB) menyeru untuk menghormati dan beradab selepas pilihan raya A.S. 2024 berakhir dengan Donald Trump memenangi penggal kedua sebagai presiden.

Trump memenangi persaingan menentang Naib Presiden, Kamala Harris dengan kemenangan besar yang mencapai 306-226 pada petang Rabu, November 6.

Presiden Republikan itu juga mendahului kira-kira lima juta undi dalam undi popular.

Dalam satu kenyataan yang disiarkan di laman web USCCB, presiden konferensi, Uskup Agung Timothy Broglio mengucapkan tahniah kepada

Trump atas kemenangannya dan memuji "keupayaan A.S menjalankan pilihan raya secara aman dan mengucapkan tahniah kepada pucuk pimpinan yang baru."

Uskup Agung itu menyatakan bahawa Gereja Katolik "tidak berpihak dengan mana-mana parti politik.

"Tidak kira siapa yang menduduki Rumah Putih atau memegang majoriti di Capitol Hill, ajaran Gereja tetap tidak berubah, dan kami para uskup berharap dapat bekerjasama dengan wakil rakyat untuk memajukan kebaikan bersama semua," tulis prelatus itu.

"Sebagai orang Kristian, dan sebagai orang Amerika, kita mempunyai kewajipan untuk melayan satu sama lain dengan amal kasih, hormat dan beradab, walaupun mungkin kita tidak bersetuju tentang cara melaksanakan perkara dasar awam," katanya.

Prelatus itu berkata lagi, "Sebagai sebuah negara yang diberkati, kita juga mesti prihatin terhadap mereka yang berada di luar sempadan kita dan menawarkan bantuan kepada semua."

Uskup Agung itu menggesa rakyat Amerika untuk berdoa bagi Trump dan semua pegawai yang dipilih supaya mereka "bangkit untuk memenuhi tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka dan orang-orang yang mereka wakili." CNA

Keuskupan baru di Pulau Katolik Flores, Labuan Bajo

NTT: Terletak di "Pulau Katolik" Flores di Wilayah Nusa Tenggara Timur (NTT), Keuskupan Labuan Bajo adalah keuskupan Katolik ke-38 di Indonesia.

Kardinal Ignatius Suharyo dari Jakarta mengetui upacara itu, disertai oleh Uskup Siprianus Hormat dari Ruteng dan Budi Kleden dari Ende, yang memimpin upacara pentahbisan di Gereja Sto Petrus, Senaru.

Langkah untuk membentuk keuskupan baru itu bermula pada 2021 apabila Keuskupan Ruteng mencadangkan pembahagian wilayah itu bagi menangani keperluan pastoral unik wilayah tersebut.

Dengan populasi Katolik seramai 966,385, 296 paderi keuskupan dan 85 paroki tersebar di tiga wilayah,

Keuskupan Ruteng adalah salah satu keuskupan yang terbesar di Indonesia. Oleh itu, Ruteng telah mengadakan mesyuarat sinodal ketiganya pada 2021, yang mengesyorkan penubuhan keuskupan baru untuk meningkatkan pelayanan kepada umat beriman.

Pada Jun 21, Vatikan secara rasmi mengisyiharkan Labuan Bajo sebagai keuskupan berasingan dari Ruteng dan melantik Maksimus Regus (*gambar*) sebagai uskup.

Upacara pelantikan Uskup Maksimus sebagai Uskup pertama Labuan Bajo diadakan pada November 1, 2024.

Uskup Maksimus Regus, ahli sosiologi dengan ijazah kedoktoran dari Belanda dan bekas dekan Universiti



Katolik St Paul di Ruteng, membawa pandangan akademik dan pengalaman pastoral dalam peranan baharunya sebagai uskup Labuan Bajo. Licasnews.com

Letusan gunung berapi korbankan seorang misionari wanita

DILI: Seorang religius wanita adalah antara sembilan orang yang terbunuh selepas gunung berapi meletus di timur Indonesia pada awal pagi Isnin, November 4, 2024.

Sr Nikolin Padjo (*gambar*), dari kongregasi *Missionary Servants of the Holy Spirit* (SSPs), maut selepas Gunung Lewotobi Laki-laki, yang terletak di Pulau Flores di wilayah Nusa Tenggara Timur Indonesia, meletupkan lava berapi dan batu ke bandar-bandar berdekatan.

Batuun gunung berapi menghancurkan biara St Gabriel, rumah kepada 75 biarawati dan postulan.

"Beberapa batu yang meletus dari gunung berapi, jatuh ke atas bumbung rumah, membunuh sebilangan penduduk termasuk Sr Nikolin," kata Fr. Luigi Galvani,



seorang misionari Camillian di Flores.

Gunung berapi Lewotobi Laki-laki, yang terletak di antara wilayah Larantuka dan

Maumere di pulau Flores, meletus secara tiba-tiba, mengeluarkan gelombang lahar, abu, dan serpihan besar yang kuat.

Letusan yang tidak dijangka itu memberi kesan kepada ratusan keluarga di lima buah kampung, meninggalkan kemusnahan yang meluas selepasnya.

Caritas Indonesia telah memulakan tindakan bantuan kemanusiaan bersama dengan beberapa keuskupan dan organisasi Gereja untuk menyelaraskan pengagihan bantuan dan pengurusan tugas, membolehkan sokongan pantas dan cekap untuk mangsa yang terselamat.

Pusat kemanusiaan Gereja Katolik di Indonesia berkata ia akan mengutamakan memenuhi keperluan asas penduduk yang terjejas. Media Vatikan

Doa, satu-satunya ‘kuasa’ yang kita miliki atas Roh Tuhan

VATIKAN: Doa Kristian bukanlah seperti manusia yang bercakap di hujung telefon dan Tuhan mendengar di satu hujung telefon, tidak, Tuhanlah yang berdoa di dalam kita! Kita berdoa kepada Tuhan melalui Tuhan,” kata Sri Paus Fransiskus kepada umat beriman yang berkumpul di Dataran Sto Petrus semasa Audiensi Umum hari Rabu, November 10.

Meneruskan siri katekesisnya tentang Roh Kudus dalam kehidupan Gereja, Sri Paus beralih daripada membincangkan sakramen kepada membincangkan doa Kristian.

“Tindakan pengudusan Roh Kudus, ditambah dengan Firman Tuhan dan Sakramen – dinyatakan dalam doa,” ujar Sri Paus sambil menyatakan bahawa dalam dengan cara ini kita berdoa sebagai anak Tuhan, bukan sebagai hamba.

Bapa Suci mengingatkan bahawa Roh Kudus adalah subjek dan objek doa Kristian. “Oleh sebab itu, Dia adalah Dia yang memberi doa dan Dia adalah Dia yang diberikan melalui doa. Kita berdoa untuk menerima Roh Kudus, dan kita menerima Roh Kudus untuk benar-benar berdoa,” tegas Sri Paus.

Bapa Suci menggesa hadirin merenungkan surat Sto Paulus kepada orang Roma, yang menekankan keperluan belajar daripada Roh Kudus untuk “berdoa yang betul” dan menekankan bahawa doa



tidak boleh datang dari tempat ketakutan dan hukuman tetapi pada kebebasan dan seperti sifat spontan kanak-kanak yang berharap kepada Tuhan.

Roh Kudus dan doa

Sri Paus mengingatkan umat bahawa “Kita mesti berdoa untuk menerima Roh Kudus. Dalam hal ini, Yesus berpesan kepada kita, “Jadi jika kamu yang jahat tahu memberi pemberian yang baik kepada anak-anakmu, apalagi Bapamu yang di syurga! Dia akan memberikan Roh Kudus kepada mereka yang meminta kepada-Nya” (Luk 11:13).

Doa kita adalah “satu-satunya ‘kuasa’ yang kita miliki atas Roh Tuhan, dan Roh Kudus adalah Dia yang memberi kita karunia doa yang benar.”

Pada permulaan audiensi, Sri Paus Fransiskus berdoa kepada Santa Perawan Maria untuk Orang-orang yang Menderita, penaung Valencia, Sepanyol yang dilanda banjir beberapa minggu lalu.

Lebih 200 orang disahkan maut dan 90 orang dilaporkan hilang selepas banjir teruk melanda bandar itu, memusnahkan rumah dan harta peribadi, perniagaan, jalan raya dan infrastruktur awam yang lain. **Media Vatikan**

Mengapa kita perlu sertai retret sebelum akhir tahun?



Apabila tahun semakin hampir ke penghujungnya, mudah untuk terperangkap dalam kesibukan tanpa henti. Dua bulan terakhir ini adalah masa yang sesuai untuk memfokus semula dan bersedia menghadapi cabaran tahun baharu.

Lima sebab ini, perlu kita pertimbangkan, mengapa kita perlu retret sebelum akhir tahun.

1. Mencabut plag rutin harian

Kita hidup dalam dunia di mana kita saling berhubung – WhatsApp, e-mel, pesanan ringkas – semua ini memerlukan perhatian kita.

Retret, meskipun hanya untuk sehari, membantu kita mencabut rutin “plag”, memberi ruang mental yang sangat diperlukan. Jauhi skrin, jadual padat, beri peluang diri anda untuk bernafas dan berhubung semula dengan perkara yang paling penting iaitu Yesus.

2. Mengingati adakah impian yang tertangguh?

Ramai di antara kita memasuki Tahun Baru dengan cita-cita dan azam yang tinggi, tetapi selalunya kita tidak jelas apa yang sebenarnya kita mahukan atau mengapa.

Retret memberi anda peluang untuk merenung tentang apa yang mendorong anda, kejayaan dan impian sebenar kita.

Retret adalah mengambil pandangan yang sebenar dan jujur tentang apa yang berlaku dalam hidup anda. Adakah

terdapat corak yang menghalang anda? Adakah impian tertangguh – retret memberi peluang kita untuk lebih jelas akan ruang yang kosong itu.

3. Memproses jatuh bangun tahun ini

Setiap tahun ada “kemenangan” dan “kerugian” tetapi kita sering tergesa-gesa melalui kedua-duanya tanpa benar-benar memprosesnya.

Ini bukan tentang melihat ke belakang dengan penyesalan atau nostalgia, tetapi tentang meluangkan masa untuk memahami perjalanan anda sepanjang tahun.

Retret membantu anda lebih mudah untuk melepaskan apa yang lalu dan menumpukan pada perkara yang akan datang.

4. Berhubung semula dengan orang lain

Retret tidak semestinya bersendirian

sepenuhnya.

Cuba sertai retret dengan komuniti dan berkongsi pengalaman. Ia mungkin boleh menjadi pembuka mata — mendengar perspektif yang berbeza, melihat cara orang lain mengatasi cabaran mereka sendiri. Ia mungkin dapat memberi inspirasi dan menaikkan semangat anda dengan cara yang mengejutkan.

5. Mengecas semua daya tahan dalaman.

Perayaan dan cuti akhir tahun boleh menggembirakan, tetapi ia juga sering meletihkan.

Mengakhiri tahun dengan retret membolehkan anda kembali dengan tenaga dan daya tahan yang diperbaharui. Ia bukan tentang berubah menjadi orang baharu atau mencari penyelesaian ajaib; ia tentang membina kekuatan dalam untuk menghadapi sebarang cabaran tahun baharu. **Aleteia**

Misionari animator

Baru-baru ini Vatikan telah melancarkan maskot Jubli 2025, Luce, bersama rakan-rakannya, Fe, Xin, dan Sky, anjingnya, Santino, dan malaikat pelindung.

Menurut Uskup Agung Rino Fisichella, ketua pengajur Tahun Jubli, maskot itu direka untuk melibatkan “budaya pop yang sangat dicintai oleh anak muda kita.”

Vatikan juga mengambil bahagian buat kali pertama dalam Komik dan Permainan *Lucca*, komik-con terbesar di Eropah, di mana terdapat ruang untuk menyerlahkan Luce dan rakan-rakannya.

Dengan penyertaan Vatikan dalam Komik dan Permainan, Vatikan berharap ia peluang untuk melibatkan dan bercakap dengan generasi muda tentang tema “harapan”.

Ini juga telah membuka mata saya. Selama ini kita sering mempromosi agar generasi muda menjadi penginjil media digital.

Maskot “Luce” yang bermaksud “cahaya” menginspirasikan saya, mengapa tidak mempromosi “misionari animasi” dalam kalangan kaum muda kita?

Saya pasti, ramai remaja dan belia yang sangat berbakat dalam kartun dan *anime*. Ini jelas ketika pertandingan membuat logo, misalnya *Sabah Youth Day*, banyak penyertaan kreatif dari golongan muda.

Semasa Misa Kudus pembukaan doa rosari bulan lalu di Keuskupan Keningau, sebuah ilustrasi Bonda Maria Gunung Kinabalu, yang berbusana tradisi Sabah, telah menjadi viral. Ilustrasi itu sarat dengan pelbagai pesan peranan Bonda Maria dan Injil.

Seorang umat pernah mengadu kepada saya bahawa beliau “malas” membeli buletin dengan pelbagai alasan. Namun, sejak tahun ini, dia tidak dapat mengelakkan diri untuk membeli buletin paroki. Mengapa?

Kerana buletin parokinya memasukkan beberapa unsur penginjilan dengan menggunakan kartun, teka-teki lucu dan ilustrasi menarik. Ini menyebabkan kanak-kanak dan remaja menjadi pelanggan utama buletin paroki.

Kalau dahulu, ramai yang suka meninggalkan buletin di bangku Gereja, kini, sejak kehadiran kartun rohani dalam buletin paroki tersebut, tidak ada lagi buletin yang ditinggalkan.

Saya ada membaca pelbagai reaksi negatif tentang kartun Luce dan rakan-rakannya. Benarkah kartun Luce membawa kesan negatif? Saya menguji hal ini. Saya memperlihatkan kepada anak saya sendiri kartun Luce.

Ternyata anak saya berusia sembilan tahun mengenal ciri animasi Jepun. Dia juga mengatakan dia mahu baju hujan yang sama seperti Luce. Dia juga mengenal rosari yang dipakai oleh Luce dan mengaitkan rosari dengan Bonda Maria.

Hanya dengan sebuah kartun, Luce dan rakan-rakannya, saya dapat menyampaikan katekesis kepada anak saya, hampir 30 minit dan anak saya mendengar dengan penuh minat.

Oleh itu, saya berharap agar selepas Luce, anak-anak muda berani untuk menjadi “misionari animator” sebagai cara kreatif dan segar, menyebarkan Khabar Gembira!

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.
Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau menulis kepada kami: Tel / Whatsapp: 011-26391498

UNTUK MEREKA YANG KEHILANGAN ANAK
Marilah kita berdoa agar semua ibu bapa yang
berduka atas kehilangan anak lelaki atau perempuan,
disokong oleh komuniti mereka dan
menerima konsolasi daripada Roh Penghiburan.

November 17, 2024

Lebih 4,000 hadir Seminar Penyembuhan di Keningau



KENINGAU: Hampir 4,500 peserta yang datang dari seluruh Sabah, Sarawak, Brunei Darussalam dan Indonesia, berhimpun di Dewan Solidariti Keuskupan Keningau untuk menyertai Seminar Penyembuhan dan Pembebasan pada Oktober 25-27 lalu.

Dengan tema, "Marilah kepada Ku, semua yang letih lesu dan berbeban berat, Aku akan memberi kelegaan kepadamu" (Matius 11:28).

Seminar ini telah dianjurkan oleh Komuniti Pelayan Rumah Retret Keuskupan Keningau, Tatal (RRKKT).

Seminar ini dimulakan dengan Misa Kudus pembukaan oleh Msgr Gilbert Lasius dan dibantu oleh Fr Don Don Ramirez, OFM, yang juga merupakan penceramah utama seminar tersebut.

Fr Don Don, dibantu oleh kumpulan dari paroki St Ann, Kota Padawan, Kuching, mengendalikan seminar selama tiga hari dua

malam. Beliau dan kumpulannya juga memimpin doa-doa penyembuhan dan pembebasan.

Acara itu diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Don Don dan paderi itu dibantu di altar oleh Msgr Gilbert Lasius.

Dalam ucapannya selepas Misa Kudus, Msgr Gilbert berpesan kepada semua peserta bahawa bukan Fr Don Don yang menyembuhkan tetapi Tuhanlah yang menyembuhkan. "Fr Don Don hanyalah alat yang digunakan Tuhan untuk men-

yampaikan kasih-Nya. Tuhanlah yang menyembuhkan dan membaskan kita melalui doa daripada Fr Don Don dan kumpulan beliau."

Hennie Fionie Henry Anjun berbasar dari Keningau mengatakan beliau bukan sahaja tertarik dengan sesi-sesi katechesis Fr Don Don tetapi juga kagum dengan pujian dan penyembahan oleh kumpulan *The Grace Notes* dari St Ann Kota Padawan.

Hennie juga tersentuh semasa sesi kaunseling dengan Sr Delicia

Klumai yang banyak mendewasakan iman.

Ivy Rachel dari Tenom tidak terkejut dengan kehadiran ribuan umat demi menghadiri Seminar Penyembuhan dan Kebebasan oleh Fr Don Don.

"Fr Don Don seorang paderi yang menggunakan media digital sebagai platform penginjilan. Ini menyebabkan ramai umat Katolik dan bukan Katolik, tersentuh dengan perkongsianinya." Cyril Kong

Hari Keluarga Vikariat Melaka galak umat teladani Keluarga Kudus

MELAKA: Kira-kira 1,400 umat dari sekitar paroki dan chapel di Melaka, telah berkumpul di perkarangan Gereja St Mary, untuk meraikan acara yang julung kali diadakan iaitu Hari Keluarga Vikariat Melaka pada Oktober 26.

Perayaan Hari Keluarga Vikariat ini merupakan hasil daripada perhimpunan keuskupan yang diadakan tahun lepas. Pada pukul 8.00 pagi, acara itu dimulakan dengan persembahan Tarian Singa oleh Pusat Belia Montfort.

Ini disusuli dengan lagu-lagu pujian dan aksi yang diketuai oleh belia dari Gereja St Mary dan Chapel Pulau Gadong. Dari pukul 8.30 pagi hingga 10.00 pagi, para peserta bebas untuk menyertai pelbagai permainan padang dan dewan, menikmati teh atau kopi sambil berborak atau menonton wayang di Dewan Sekolah St Mary.

Pada pukul 10.00 pagi, sesi pujian dan penyembahan diadakan dalam empat bahasa di lokasi yang berbeza, memberi peluang kepada para keluarga untuk bersyukur dan memuji Tuhan. Ini diikuti dengan doa rosari yang didoakan dalam empat



bahasa di dalam Gereja sebelum Misa Kudus yang menggunakan liturgi Keluarga Kudus.

Misa dipimpin oleh Uskup Bernard Paul, dibantu oleh sepuluh orang paderi dari Vikariat Melaka. Uskup Bernard menggesa para keluarga untuk menjadikan Yesus sebagai pusat kehidupan keluarga dan komuniti serta meneladani cara hidup Keluarga Kudus.

Prelatus itu menekankan empat kerohanian Keluarga Kudus iaitu mengikuti Firman Tuhan; menjadikan Yesus sebagai pusat perhatian utama, menghormati ahli-ahli keluarga sebagai anugerah daripada Tuhan; dan menerima misi Tuhan dengan menggalakkan satu sama lain untuk meng-

kut Yesus.

Bapa Uskup memberkati semua pasangan suami isteri yang hadir, dengan berkat khas bagi mereka yang telah berkahwin selama 50 tahun atau lebih.

Selepas Misa, umat berhimpun di dewan Sekolah St Mary untuk makan tengah hari, diikuti dengan acara-acara kebudayaan.

Hari Keluarga Vikariat Melaka pada pukul 2.30 petang dengan berkat penutup oleh Uskup Bernard. Ucapan terima kasih kepada Fr Alexchelvam Mariasoosai dan pasukannya kerana menganjurkan Hari Keluarga Vikariat yang meriah dan mengingatkan keluarga akan Keluarga Kudus.

Doa untuk Fr Lawrence Kim, didiagnos barah



Paderi dari Korea Selatan, Fr Lawrence Kim (tengah) bersama umat Penampang selepas Misa Kudus.

KOTA KINABALU: Melalui Notis Chanseri bertarikh November 2, 2024, Canselor Keuskupan Agung Kota Kinabalu, Fr Wilfred Atin, dengan berat hati dan atas arahan Uskup Agung John Wong, memaklumkan kepada umat bahawa Fr Lawrence Kim, seorang paderi dari Korea Selatan, telah didiagnosis dengan kanser pankreas tahap empat.

Setakat hari ini, kanser telah merebak ke nodus limfa dan paru-parunya.

Notis Chanseri itu juga memaklumkan bahawa Fr Lawrence Kim telah mulakan kemoterapi di Hospital St Mary, Seoul, Korea